# Pengiktirafan untuk penuntut IPT

Oleh Rosniza Mohd Taha dan Basir Zahrom
bhvarsiti@bharian.com.my
Kuala Lumpur



**Menteri Pengajian** Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin (dua kanan) melawat gerai pameran sambil diiringi Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar (kanan) dalam majlis penyampaian hadiah Ikon Varsiti BH, di Hotel The Royale Chulan. [ FARIZUL HAFIZ AWANG/ BH ]

Penerima Anugerah Ikon Varsiti-Berita Harian (BH) berazam menjadikan pengiktirafan itu sebagai penyuntik semangat mencatat prestasi lebih baik sekali gus menjadi inspirasi kepada golongan belia.

Walaupun banyak menerima pengiktirafan hingga peringkat antarabangsa, anugerah itu dianggap cukup bermakna sebagai penghubung antara media dengan pelajar secara positif.

Penerjun wanita negara yang juga pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Leong Mun Yee, berkata kemenangan diraih dalam kategori Sukan menjadi penyuntik semangat baginya meningkatkan prestasi sekali gus menarik minat lebih ramai belia menceburi bidang itu.

"Anugerah ini sesuatu yang berbeza kerana ia bukan penghargaan khusus bagi atlet sukan saja tetapi banyak kategori lain. Saya gembira kerana media memberi perhatian kepada pelajar," katanya.

Seorang lagi pelajar UPM, Wan Akma Hazami Mohd Nasir, yang memenangi kategori Sukarelawan (Individu), terharu dengan inisiatif BH mewujudkan pengiktirafan khas bagi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

## Tingkatkan kesungguhan

Beliau berazam mahu terus aktif mengilhamkan pelbagai projek kemasyarakatan bagi membuka peluang lebih ramai pelajar menyertai aktiviti bermanfaat itu.

"Sebelum ini, wujud persepsi negatif apabila ada segelintir pelajar menyalahgunakan media untuk kepentingan sendiri, tetapi inisiatif ini membuktikan media mampu menjadi penghubung idea dan perkongsian kejayaan mereka dengan masyarakat," katanya.

Ikon Varsiti kategori Seni Bina Bangunan (Kreativiti), Yasmin Abdul Rahman, pula berkata kejayaannya bukan sekadar ingin membuktikan kemampuan golongan Hawa dalam bidang itu tetapi memberi inspirasi kepada pelajar IPT seluruh negara untuk sama-sama membangunkan industri seni bina.

"Saya aktif mewakili Universiti Teknologi MARA (UiTM) menyertai lebih 30 pertandingan seni bina dan memenangi pelbagai anugerah hingga peringkat antarabangsa, tetapi ini kali pertama saya diiktiraf dalam pertandingan yang mengambil kira pencapaian pelajar dalam pelbagai bidang.

"Negara kita mempunyai potensi besar bagi pembangunan pesat dalam bidang seni bina dan saya mahu terus berkongsi pengetahuan dengan pelajar universiti lain menerusi laman web www.mdrxa.com," katanya.

## Lebih menyeluruh

Kumpulan Universiti Sains Malaysia (USM) Engineers, yang memenangi kategori Inovasi (Berkumpulan) berharap pengiktirafan itu dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjalani pemeriksaan awal bagi mengurangkan kadar kematian bagi pesakit barah.

Seorang ahli kumpulan berkenaan, Yong Bang Ming, berkata kemenangan itu publisiti yang baik bagi memperkenalkan produk kit perubatan dihasilkan yang berupaya membuat saringan tahap barah pangkal rahim dalam tempoh kurang 15 saat dengan ketepatan 97.5 peratus.

"Walaupun meraih kemenangan besar dalam British Invention Show, pengiktirafan ini tetap penting bagi kami kerana penilaiannya lebih menyeluruh merangkumi pencapaian akademik dan penyertaan kokurikulum kami," katanya.

Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pertanian, Siti Fatehah Che Kar daripada Kumpulan One Mission Politeknik (Politeknik Kota Bharu) yang memenangi kategori khidmat sosial (luar negara) berharap penganjuran anugerah itu diteruskan bagi memberi peluang pelajar IPT menonjolkan bakat serta idea kreatif.

Katanya, diharap kemenangan itu menjadi perangsang semua mahasiswa politeknik untuk untuk bergiat aktif dalam apa juga bidang yang diceburi.

"Kami sangat gembira dan tidak menyangka akan menang kerana dua lagi kumpulan juga hebat," katanya yang aktif menganjurkan program khidmat masyarakat dan kem jati diri untuk mahasiswa sekitar Pantai Timur.

## Gapai kejayaan

Ikon Varsiti kategori Kejuruteraan Inovasi (individu), Muhamad Nor Syafik Yahya dari UiTM menyifatkan kemenangannya itu sebagai pembakar semangat untuk terus berjaya dalam bidang penyelidikan.

"Saya menyasarkan untuk menjadi penerima Anugerah Saintis Muda anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebelum mencecah 35 tahun, justeru kemenangan ini menambah keyakinan saya untuk menempa kejayaan lebih besar," katanya.

Pelajar Sarjana Pendidikan Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Liu Cheng Hua yang dinobatkan sebagai Ikon Varsiti Kategori Seni Reka berkata, anugerah Ikon Varsiti BH bukan sekadar medan mencari bakat, tetapi pengiktirafan terhadap usaha keras mahasiswa yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Katanya, semua kejayaan dan daya usaha dilakukan semua Ikon Varsiti BH akan dapat dikongsikan dengan mahasiswa lain dan masyarakat.

"Contohnya, pameran seni saya mengenai kajian di daerah Larut (sekarang Taiping) sebagai model terbaik sebuah bandar lengkap akan dapat dikongsikan kepada umum selepas ia mendapat pengiktirafan ini," katanya.

Ikon Varsiti kategori Keusahawanan, Azwan Affandi Md Jahaya, berkata anugerah itu akan memberi semangat kepada mahasiswa seluruh negara untuk merebut gelaran 'ikon' seterusnya menjadi mahasiswa luar biasa di dalam dan di luar bilik kuliah.

Pelajar Diploma Kejuruteraan Sistem Komputer, Universiti Malaysia Pahang itu berkata, anugerah ini perlu diteruskan supaya mahasiswa mempunyai matlamat baru dalam menjalani sebarang program yang dilakukan.

"Kini mahasiswa bukan saja boleh mencapai kejayaan dalam aktiviti yang disertai, malah mampu bersaing secara sihat untuk menjadi Ikon Varsiti," katanya.



**Mohamed Khaled** (kanan) melawat gerai pameran sambil diiringi Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mior Kamarul Shahid (dua dari kanan) dan Zainor (dua dari kiri).




**Pengarang Eksekutif** (Rencana) BH, Zainor Said (kiri) bersama dengan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa menyampaikan hadiah kategori kumpulan, Projek Khidmat Sosial Dalam Negara, Kumpulan Enactus UniKL.

"KEMENANGAN INI MOTIVASI BAGI SAYA UNTUK TERUS AKTIF BERKARYA DENGAN MENYAMPAIKAN MESEJ BAHAWA FESYEN BUKAN UNTUK BERGAYA SAJA TETAPI REKAANNYA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MEMBANTU GOLONGAN TERTENTU, CONTOHNYA, ORANG KELAINAN UPAYA"

***Akmal Afiq Farhan Samsudin***, *UiTM*
*Ikon Varsiti-BH kategori Fesyen (Individu)*

"SAYA AKAN LEBIH AKTIF DALAM PENYELIDIKAN TEKNOLOGI AGRO BAGI MEMBUKTIKAN TIDAK MUSTAHIL MENEMPA KEJAYAAN BIDANG INI JIKA CEKAL MENEMPUHI CABARANNYA".

***Ainatul Alia Alias***, *UPM*,
*Ikon Varsiti-BH kategori Teknologi Agro (Individu)*

INFO

### KEPUTUSAN ANUGERAH IKON VARSITI BH 2012

#### Kategori Berkumpulan

**1.** Projek Khidmat Sosial - Dalam Negara

**JUARA**
- Kumpulan Enactus UniKL (Universiti Kuala Lumpur)
- Projek Inap Desa D' Orang Asli merupakan sebuah projek homestay bertujuan meningkatkan ekonomi penduduk Orang Asli. Menerusi program ini, mereka berjjaya membantu sebuah rumah memperoleh pendapatan purata RM50 sehari. Keberkesanan program khidmat social yang dianjurkan membolehkan kumpulan ini dipilih Ikon Varsiti Projek Khidmat Sosial - Dalam Negara.

**SAGU HATI**
- Preparatory Program for excellent student (Universiti Tenaga Nasional)
- In- Smartive (Universiti Malaysia Pahang)

**2.** Projek Khidmat - Sosial - Luar Negara

**JUARA**
- Kumpulan One Mission Politeknik (Politeknik Kota Bharu)
- Projek sukarelawan Politeknik peringkat antarabangsa telah diadakan di kampung Croi Menteri Kemboja melibatkan 30 sukarelawan yang memberi impak berpanjangan setelah pusat penapisan air bersih, 1 water for life' Berjaya dibina. Mampu menyalurkan bekalan air bersih sebanyak 12,000 gelen sehari 6,000 hamper penduduk sekitar.

**SAGU HATI**
- Eksporasi Vietnam (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Kembara Aceh (Institut Guru Kampus Temenggung Ibrahim)

**3.** Projek Inovasi

**JUARA**
- Kumpulan USM Engineers (Universiti Sains Malaysia)
- Smart Cervix Kit merupakan kit perubatan berkeupayaan mengesan tahap barah pangkal rahim, barah kedua tertinggi di Malaysia . Berketepatan 97.5% serta masa penyaringan kurang daripada 15 saat, kit ini mampu digunakan dalam program penyaringan yang bertujuan mengurangkan kadar kematian.

**SAGU HATI**
- KSE Group (Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah)
- EXO Traveller (Kolej Universiti Antarabangsa Teknologi Twintech)

**4.** Seminar/Persidangan

**JUARA**
- NRIC2012 (USM)
- Novel Research and Innovation Competition (NRIC2012) merupakan program pertandingan inovasi yang mengetengahkan projek-projek tahun akhir pelajar IPTA/S dalam dan luar negara. Program ini dijayakan oleh Sekretariat NRIC2012 yang terdiri daripada mahasiswa Uiversiti Sains Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Motorola Solution. Pertandingan ini mempunyai kualiti yang tersendiri apabila pemenang yang menyertainya mampu menyerlah dalam program inovasi yang lebih besar seperti British Invention Show (BIS).

**SAGU HATI**
- BIOSIS (Universiti Malaysia Terengganu)
- LIBCOM (Institut Latihan Perindustrian Sandakan)

#### Kategori Individu

**1.** Penyelidikan Sains (Inovasi)

**JUARA**
- Muhamad Nor Syafik Yahya (Universiti Teknologi MARA Shah Alam)
- Beliau mengilhamkan projek, Nano Emulsion Petrol A Future Prospect Fuel'
- Nano Emulsion Petrol ialah penyelesaian terbaik bagi mengurangkan masalah pembebasan Gas Rumah Hijau.

**SAGU HATI**
- Nurul Alia Noordin (Universiti Teknologi MARA Shah Alam)
- Abdul Halim Abdullah (Universiti Kebangsaan Malaysia)

**2.** Seni Reka (Kreativiti)

**JUARA**
- Liu Cheng Hua (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- Projek Pameran Seni Visual. Meghasilkan karya-karya seni visual di Balai Seni Visual Negara dan Galeri G13 Di Kelana Square. Beliau pernah berkelana ke Indonesia untuk mempamerkan karya beliau dan kesungguhan pelajar ini melayakkannya untuk dinobatkan Ikon Varsiti Seni Reka.

**SAGU HATI**
- Muhammad Zainudin Mohd Nadzri (Kolej Kemahiran Tinggi Rembau)
- Nur Farah Atiqah Maulat Mohd Supian (SEGI Universiti)

**3.** Seni Bina Bangunan (Kreativiti)

**JUARA**
- Yasmin Abdul Rahman (Universiti Teknologi MARA Shah Alam)
- Mengilhamkan nafas baru dalam reka bentuk menara dengan ciri-ciri hijau seperti Menara MARDI. Keunikan seni bina dihasilkan menarik perhatian juri dan pengundi untuk memilih beliau selaku Ikon Varsiti Seni Bina.

**SAGU HATI**
- Muhammad Qhawarizmi Norhisham (Universiti Teknologi MARA Shah Alam)
- Mohd Reduan Abidin (Universiti Teknologi Mara Shah Alam)

**4.** Fesyen (Kreativiti)

**JUARA**
- Akmal Afiq Farhan Samsudin (Universiti Teknologi MARA Shah Alam)
- Beliau menghasilkan rekaan diilhamkan daripada Bunga Raya. Selain itu, penuntut ini aktif menghasilkan beberapa koleksi baju yang mendapat perhatian dalam kalangan industri fesyen.

**SAGU HATI**
- Mahfuzah Abdul Halim (Kolej Komuniti Gerik)
- Mohammad Kamil bin Ayop (Kolej Antarabangsa Geomatika)

**5.** Sukarelawan

**JUARA**
- Wan Akma Hazami Mohd Nasir (Universiti Putra Malaysia)
- Mengispirasikan beberapa program kemasyarakatan antara NIGHT WALK @15 yang berjaya menyalurkan 100 kampit beras ke rumah-rumah kebajikan berasaskan moto, Keikhlasan Tanpa Batasan' dan meningkatkan kemahiran dalam kalangan penghuni. Beliau juga aktif dalam beberapa program berbentuk kesukarelawan dan program dianjurkan memberi impak besar kepada masyarakat.

**SAGU HATI**
- Nurul Hidayah Che Anuad (Universiti Malaysia Terengganu)
- Pusparanni a/p Supramaniam (Politeknik JB)

**6.** Keusahawanan

**JUARA**
- Azwan Affandi Md Jahaya (Universiti Malaysia Pahang)
- Kebolehan berbahasa Mandarin memudahkan beliau berurusan dengan negara China bagi membawa masuk aksesori untuk 80 buah kolej komuniti di Malaysia dengan keuntungan 300%. Selain itu, beliau juga mempunyai perniagaan -yang berjaya menjana pendapatan lumayan walaupun masih bergelar mahasiswa, sekali gus melayakkan pelajar ini dipilih Ikon Varsiti Keusahawanan.

**SAGU HATI**
- Nor Suriani Azhar (Universiti Sultan Zainal Abidin)
- Azizul Ridhuan Wahid (Universiti Teknologi Mara Arau)

**7.** Kejuruteraan

**JUARA**
- Nur Haliza Abdul Wahab (Universiti Teknologi Malaysia)
- Merupakan pelajar Doktor Falsafah Dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dengan mengilhamkan projek of, IPV6 Network with location assisted transfer for real time application'. Beliau juga penulis novel remaja, dan aktif dalam dalam pelbagai bidang lain, sekali gus melayakkan Nur Haliza sebagai Ikon Varsiti kejueteraan.

**SAGU HATI**
- Muhamad Azree Abd Rahim (Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur)
- Muhammad Md Hanipah (Universiti Teknologi Malaysia)

**8.** Teknologi Agro

**JUARA**
- Ainatul Alia Alias (Universiti Malaysia Perlis)
- Menghasilkan padi melalui aplikasi Biofertilizer untuk meningkatkan penyerapan baja di dalam tanah. Penyelidikan beliau itu pernah meraih perhatian juri apabila memenangi pingat utama dalam ITEX dan baru-baru ini di Korea Selatan. Keunggulan ditunjukkan membolehkan penuntut ini dimartabatkan Ikon Varsiti Teknologi Agro.

**SAGU HATI**
- Lok Chung Yee (Universiti Putra Malaysia)
- Mohamad Danial Shafiq (Universiti Sains Malaysia)

**9.** Sukan

**JUARA**
- Leong Mun Yee (Universiti Putra Malaysia)
- Pemenang pingat Emas Sukan Universiti ASEAN, memenangi pingat perak bersama dengan Ratu Terjun pandelaela Rinong di Siri Dunia Terjun di Dubai Mac 2012, tempat ketujuh di Sukan Olimpik, tempat kelima di Siri Dunia Terjun di Tijuana, Mexico dan banyak lagi. Tidak hairanlah, beliau terpilih Ikon Varsiti Sukan.

**SAGU HATI**
- Ahmad Nazri Hamzah (Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah)
- Bryan Nickson a/k Lomas (universiti Malaya)

**10.** Kepimpinan

**JUARA**
- Wan Ahmad Hazman Wan Daud (Universiti Teknologi Malaysia)
- Pelajar Ijazah Doktor Falsafah ini ialah Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA, Presiden MPP Universiti Teknologi Malaysia dan memegang pelbagai jawatan sama ada dalam persatuan mahupun projek anjuran di universiti. Keunggulannya dalam bidang akademik dan pembabitan aktif dalam pelbagai program melayakkan beliau untuk menjadi Ikon Varsiti Kepimpinan.

**SAGU HATI**
- Syamimi Ab Rahman (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Shafiq Mansor (Universiti Teknologi MARA Melaka)